



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

FINAL EXAMINATION
PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER II 2023/2024 SESSION (DEGREE PROGRAMME)
SEMESTER II SESI 2023/2024 (SARJANA MUDA)

COURSE : **MALAYSIAN NATIONHOOD**
KURSUS : **KENEGARAAN MALAYSIA**

COURSE CODE : **NCC3053**
KOD KURSUS

DURATION : **2 HOURS**
TEMPOH : **2 JAM**

MATRIC NO. : _____
NO. MATRIK

PROGRAMME : _____
NAMA PROGRAM

SEAT NO. : _____
NO. MEJA

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES
ARAHAN KEPADA CALON

- i. Answer all questions.
Sila jawab semua soalan.
- ii. All answers must be provided in the OMR answer sheet.
Semua jawapan hendaklah disediakan dalam borang OMR.

DO NOT OPEN THE QUESTION PAPER UNTIL INSTRUCTED
JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

THIS QUESTION PAPER CONSISTS OF TWENTY THREE (23) PRINTED PAGES
KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI DUA PULUH TIGA (23) MUKA SURAT BERCETAK

1. Yang manakah antara berikut takrif **paling tepat** tentang konsep negara?
 - A. Komuniti yang tinggal dalam sebuah negara berdasarkan perlembagaan dan undang-undang
 - B. Komuniti yang tinggal secara tetap dalam sesebuah wilayah dan diperintah oleh sebuah kerajaan
 - C. Komuniti yang tinggal dalam sesebuah negara yang berdaulat dan berlandaskan prinsip demokrasi
 - D. Komuniti yang tinggal dalam sesebuah negara yang mempunyai sempadan tertentu dan diperintah oleh kerajaan yang sah
2. Pernyataan manakah yang **benar** tentang sistem Kerajaan Persekutuan?
 - i. Kuasa autonomi dalam setiap peringkat kerajaan
 - ii. Kerajaan pusat mempunyai kuasa penuh dalam bidang-bidang tertentu
 - iii. Berlaku ketidakseimbangan kuasa antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri
 - iv. Kerajaan Pusat berkuasa membatalkan undang-undang yang diluluskan oleh kerajaan negeri
 - A. i dan ii
 - B. ii dan iv
 - C. ii dan iii
 - D. iii dan iv
3. Antara berikut, yang manakah **tepat** bagi menggambarkan Ahli Mesyuarat Kerajaan dalam pentadbiran British di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)?
 - i. Residen Jeneral
 - ii. Residen setiap negeri
 - iii. Pesuruhjaya Tinggi British
 - iv. Raja-Raja Melayu daripada Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang
 - A. i dan ii
 - B. ii dan iii
 - C. i, ii dan iii
 - D. Semua di atas
4. Mengapakah British mengubah struktur kegiatan ekonomi peribumi di Tanah Melayu?
 - A. Memenuhi keperluan industri di Britain
 - B. Menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan
 - C. Meningkatkan taraf hidup penduduk Tanah Melayu
 - D. Mencontohi Revolusi Perindustrian di Eropah

Tarikh	Peristiwa
15 Februari 1942	Leftenan Jeneral A. E. Percival menyerah diri kepada Leftenan Jeneral Yamashita Tomoyuki di Singapura

5. Pilih pernyataan yang **tepat** mengenai pentadbiran tentera Jepun di Tanah Melayu

- i. Singapura dikenali sebagai Syonan
- ii. Tanah Melayu dikenali sebagai *Malai Baru*
- iii. Setiap negeri diketuai oleh Gabenor serta Majlis Penasihat
- iv. Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis diserahkan kepada Thailand

- A. i dan ii
- B. ii dan iii
- C. i, ii dan iii
- D. Semua di atas

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Tarikh : 1 hingga 4 Mac 1946• Majlis : Kongres Melayu• Tempat : Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru |
|---|

6. Apakah kejayaan penting dalam persidangan tersebut?

- A. Memulaukan pengisytiharan Malayan Union
- B. Mengadakan rapat umum kebangsaan
- C. Membentuk Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
- D. Menghantar memorandum bantahan kepada kerajaan British

7. Mengapakah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) ditubuhkan pada tahun 1946?

- A. Mengeratkan perpaduan antara kaum
- B. Menentang pelaksanaan Malayan Union
- C. Memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu
- D. Mengimbangi kemajuan ekonomi antara kaum

8. Apakah tujuan pembentukan Sistem Ahli?

- i. Melatih berkerajaan sendiri
- ii. Menamatkan rusuhan kaum
- iii. Memperoleh kerakyatan sama rata
- iv. Mendapatkan sokongan padu rakyat


- A. i dan ii
- B. i dan iv
- C. ii dan iii
- D. iii dan iv

9. Apakah tugas Suruhanjaya Reid?
- A. Merangka perlembagaan
 - B. Mencadangkan tarikh pilihan raya
 - C. Melantik pegawai pentadbiran baharu
 - D. Menganjurkan rundingan antara kaum



Rajah 2

10. Berdasarkan Rajah 2 di atas, Ustaz Ahmad Hussain satu-satunya calon PAS yang memenangi kerusi kawasan _____ dalam Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.
- A. Krian
 - B. Kota Bharu
 - C. Johor Bharu
 - D. Gunung Semanggol
11. Antara berikut, siapakah yang terlibat dalam rundingan kemerdekaan Tanah Melayu di London pada tahun 1956
- i. wakil British
 - ii. empat wakil Perikatan
 - iii. wakil kerajaan Komanwell
 - iv. empat wakil Raja-raja Melayu
- A. i dan ii
 - B. ii dan iii
 - C. i, ii dan iv
 - D. Semua di atas



Rajah 3

12. Rajah 3 merujuk kepada laporan akhbar *The Straits Times*, bertarikh 9 September 1851. Berdasarkan rajah tersebut, nama Malaysia digunakan bagi menjurus kepada aspek
- politik
 - sejarah
 - ekonomi
 - Alam Melayu (geografi)
13. Antara berikut, pernyataan manakah **tepat** berkaitan pandangan Filipina dan Indonesia berhubung pembentukan Malaysia?
- Isu Sabah dan neo-kolonialisme
 - Permintaan menuntut 10 kerusi Parlimen tidak dipenuhi
 - Malaysia sebagai tali barut Amerika Syarikat dan Britain
 - Kuala Lumpur bakal menguasai hasil minyak di Laut China Selatan
14. Antara berikut, pernyataan manakah yang **tepat** yang dilakukan Sultan Brunei untuk memulihkan keamanan ekoran meletuskan pemberontakan yang dipimpin A.M. Azhari?
- Menyertai Kesatuan Kalimantan Utara
 - jawatan Perdana Menteri dimansuhkan
 - membubarkan Parti Rakyat Brunei (PRB)
 - menarik balik hasrat Brunei menyertai Malaysia
- i dan ii
 - ii dan iii
 - ii, iii dan iv
 - Semua di atas

15. Terdapat _____ perkara yang dituntut kerajaan Sabah serta _____ perkara oleh kerajaan Sarawak terhadap kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sebagai jaminan sebelum menyertai Malaysia.

- A. 12 dan 15
- B. 15 dan 18
- C. 18 dan 20
- D. 20 dan 18

Sabah, Sarawak dan Singapura telah mencapai kemerdekaan melalui pembentukan Malaysia pada 16 September 1963

16. Antara berikut, yang manakah **benar** berkaitan dengan tuntutan Sabah dan Sarawak yang diletakkan di bawah bidang kuasa Negeri dan bukannya Persekutuan?

- i. Imigresen
- ii. Keselamatan dalam negeri
- iii. Pelantikan Yang Dipertua Negeri
- iv. Kedudukan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan

- A. i dan ii
- B. i dan iii
- C. ii dan iii
- D. iii dan iv

17. Penubuhan Malaysia ditentang kuat oleh Diasdodo Macapagal kerana

- A. Sabah sebahagian daripada Kesultanan Sulu
- B. Kuala Lumpur bakal menguasai hasil minyak
- C. Permintaan menuntut 10 kerusi Parlimen tidak dipenuhi
- D. Malaysia sebagai penjajahan bentuk baharu (neo-kolonialisme)

18. Antara berikut manakah yang **tepat** dengan Akta Malaysia 1963 (MA63).

- A. Sabah bebas daripada Kesultanan Sulu
- B. Sarawak memperoleh royalti minyak petroleum
- C. Menjelaskan terperinci bidang kuasa Negeri dan Persekutuan
- D. Mengesahkan peralihan kedaulatan Britain ke atas Sabah, Sarawak dan Singapura kepada Malaysia

19. Pernyataan berikut **benar** mengenai *Malaysian Solidarity Convention* (MSC) yang digagaskan oleh Lee Kuan Yew sewaktu keberadaan Singapura dalam Malaysian, **kecuali**?
- A. berlakunya rusuhan kaum di Singapura
 - B. PAP berpandangan masyarakat 'bukan perkauman' adalah perlu manakala konflik yang wujud disebabkan permasalahan tersebut
 - C. Negeri-negeri di Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak dalam Persekutuan Malaysia perlu dinilai semula
 - D. Mewujudkan satu persamaan hak bagi semua melalui satu ideologi politik, sosial dan ekonomi yang sama
20. Perlembagaan Malaysia telah dibentuk melalui
- A. Suruhanjaya Cobbold
 - B. Suruhanjaya Reid
 - C. Suruhanjaya Khas
 - D. Suruhanjaya Persekutuan Tanah Melayu
21. Antara berikut, pernyataan manakah yang **paling tepat** mengenai Perlembagaan Persekutuan Malaysia?
- A. Mengandungi 15 Bahagian serta 183 Perkara
 - B. Berasaskan kepada Suruhanjaya Cobbold 1963
 - C. Proses penggubalan mengambil masa 10 tahun
 - D. Perlembagaan ditulis dalam bahasa Inggeris
22. Antara berikut, pernyataan manakah **benar** berkaitan dengan fungsi Perlembagaan Persekutuan?
- i. Kebebasan dan hak-hak awam dapat dilindungi
 - ii. Menghadkan kuasa kerajaan daripada terlalu berkuasa
 - iii. Alat bagi mengelak berlakunya konflik dalam masyarakat
 - iv. Mewujudkan rangka politik, ekonomi dan sosial supaya seterusnya perpaduan nasional dan pembangunan negara dapat dipupuk
- A. i dan ii
 - B. ii dan iii
 - C. i, ii dan iii
 - D. Semua di atas

23. Antara berikut, pernyataan manakah yang menjelaskan ketertinggiaan Perlembagaan Persekutuan Malaysia?
- A. Parlimen berhak meminda Perlembagaan
 - B. Perlembagaan Persekutuan lebih tinggi dari Parlimen
 - C. Isu-isu yang berkaitan dengan Perlembagaan Persekutuan hanya boleh ditafsirkan di mahkamah
 - D. Mana-mana undang-undang yang diluluskan DUN yang berlawanan dengan perlembagaan Persekutuan maka terbatal dengan sendiri setakat mana yang berlawanan.
24. Perlembagaan Persekutuan Malaysia boleh dipinda dengan syarat berikut, **kecuali**
- A. kelulusan Ahli Dewan Negara
 - B. perkenan Yang di-Pertuan Agong
 - C. kelulusan majoriti Ahli Dewan Undangan Negeri
 - D. kelulusan dua pertiga majoriti Ahli Dewan Rakyat
25. Sekiranya Rang Undang-Undang Persendirian (RUUP) 355 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) ingin dipinda dan diluluskan, bagaimanakah prosedur yang perlu diambil sebagaimana amalan dalam Parlimen Malaysia?
- i. Bacaan Kali Pertama dan Kedua
 - ii. Jawatankuasa teknikal dan bacaan kali ketiga
 - iii. Bacaan kali Pertama, Kedua, Ketiga di Dewan Negara
 - iv. Perkenan daripada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong
- A. i, ii, iii dan iv
 - B. ii, i, iii dan iv
 - C. iii, ii, i dan iv
 - D. i, ii, iv dan iii
26. Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan merujuk kepada
- A. bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara Malaysia
 - B. kebebasan bercakap, berhimpun dan menubuhkan persatuan
 - C. setiap warganegara berhak menganut dan mengamalkan agamanya
 - D. hak istimewa orang Melayu dan kaum Bumiputera Sabah dan Sarawak

27. Pilih pernyataan yang **paling tepat** bagi menggambarkan pemberian kerakyatan Malaysia terhadap anak yang dilahirkan berdasarkan kes *jus sanguinis*.
- A. Zainab dilahirkan di Kuala Terengganu manakala ibu bapanya adalah warganegara Thailand
 - B. Naqiudin warganegara Malaysia memperoleh cahaya mata setelah isterinya melahirkan anak di sebuah hospital di London
 - C. Lily warganegara Indonesia melahirkan cahaya mata di sebuah hospital di Kuala Lumpur manakala suaminya warganegara Thailand
 - D. Hanif dilahirkan di Kanada memandangkan bapanya warganegara Kanada manakala ibunya berasal daripada Malaysia tetapi telah menukar kepada warganegara Kanada
28. Berikut ialah syarat-syarat yang harus dipenuhi bagi seseorang wanita bukan warganegara yang berkahwin dengan rakyat Malaysia serta ingin memperoleh kewarganegaraan, **kecuali**
- A. perkahwinannya sah di sisi undang-undang
 - B. ibu atau bapanya bermastautin tetap di Malaysia
 - C. berkelakuan baik dan berniat untuk menetap di Malaysia
 - D. menetap di negara ini sekurang-kurangnya dalam tempoh dua tahun
29. Antara pernyataan berikut **benar** tentang jaminan hak asasi seperti terkandung dalam perlembagaan, **kecuali**
- A. seseorang warganegara berhak menubuhkan persatuan
 - B. seseorang warganegara itu boleh dibuang negeri tanpa alasan
 - C. seseorang warganegara bebas bercakap dan mengemukakan pendapat
 - D. seseorang warganegara bebas bergerak di seluruh Semenanjung Malaysia
- Menurut Perkara 77 Perlembagaan Persekutuan, bahawa Dewan Undangan Negeri mempunyai kuasa untuk meluluskan undang-undang ke atas sebarang perkara yang tidak disebutkan di dalam Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan Senarai Bersama
30. Pernyataan di atas merujuk kepada
- A. kuasa baki perundangan
 - B. kuasa yang tidak tersenarai
 - C. kuasa tambahan kepada Dewan Undangan Negeri
 - D. kuasa yang dikhaskan kepada Dewan Undangan Negeri Sabah dan Sarawak

31. Antara berikut, pernyataan yang manakah **tepat** berkaitan dengan status tulisan Jawi berdasarkan Perkara 9, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67?
- A. Tulisan bagi bahasa kebangsaan ialah tulisan Jawi, dengan syarat bahawa ini tidak melarang penggunaan tulisan Rumi, bagi bahasa kebangsaan
 - B. Tulisan bagi bahasa kebangsaan ialah tulisan Jawi, dengan syarat bahawa ini tidak melarang penggunaan tulisan Melayu, bagi bahasa kebangsaan
 - C. Tulisan bagi bahasa kebangsaan ialah tulisan Rumi, dengan syarat bahawa ini tidak melarang penggunaan tulisan Inggeris, yang lebih dikenali dengan nama tulisan kebangsaan.
 - D. Tulisan bagi bahasa kebangsaan ialah tulisan Rumi, dengan syarat bahawa ini tidak melarang penggunaan tulisan Melayu, yang lebih dikenali dengan nama tulisan Jawi, bagi bahasa kebangsaan.
32. Antara berikut, akta yang manakah **tepat** bagi membolehkan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi diambil tindakan sekiranya terlibat dalam mana-mana perhimpunan haram?
- i. Akta 12, 1969
 - ii. Akta 30, 1971
 - iii. Akta 174, 1976
 - iv. Akta 777, 2016
- A. i dan ii
 - B. ii dan iii
 - C. i, iii dan iv
 - D. Semua di atas
33. Pernyataan berikut benar bagi menggambarkan Malaysia sebagai sebuah negara bercorak Persekutuan, **kecuali**
- A. Kerajaan Pusat berkuasa penuh
 - B. Kerajaan Pusat berkongsi kuasa
 - C. Kerajaan Pusat berkuasa membatalkan undang-undang
 - D. Kerajaan Pusat mempunyai kuasa autonomi dalam bidang-bidang tertentu

- Demokrasi yang mengiktiraf peranan pelbagai kumpulan dalam proses politik kerana kerajaan terpaksa bermuafakat dengan pihak yang berpengaruh seperti kesatuan sekerja, koperasi perniagaan dan kumpulan pendesak berbanding pembangkang.
- Dalam pada itu kerajaan dianggap kurang berfungsi terhadap rakyat kerana lebih mengutamakan tuntutan pihak yang berpengaruh

34. Pernyataan di atas sangat berkait rapat dengan
- A. demokrasi liberal
 - B. demokrasi terpimpin
 - C. demokrasi partisipatif
 - D. demokrasi pluralisme
35. Pilih pernyataan yang **benar** tentang amalan sistem demokrasi di Malaysia.
- i. Ketua kerajaan dipilih melalui pilihan raya
 - ii. Mengamalkan sistem demokrasi berparlimen
 - iii. Warganegara dijamin kebebasan bersuara dan menubuhkan parti politik
 - iv. Parti politik yang mendapat undi lebih dua pertiga berhak membentuk kerajaan
- A. i, ii dan iii
 - B. i, ii dan iv
 - C. i, iii dan iv
 - D. ii, iii dan iv
36. Antara berikut, pernyataan yang manakah **tepat** bagi menerangkan konsep Raja Berperlembagaan sebagaimana definisi perlembagaan?
- A. Yang di-Pertuan Agong membentuk Perlembagaan setelah berunding dengan Raja-raja Melayu
 - B. Yang di-Pertuan Agong berhak melaksanakan segala peruntukan dalam Perlembagaan mengikut budi bicara baginda
 - C. Yang di-Pertuan Agong memerintah mengikut peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan atas nasihat kerajaan
 - D. Yang di-Pertuan Agong berkuasa meminda peruntukan dan undang-undang yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan
37. Siapakah yang menjalankan tugas sebagai setiausaha dalam Persidangan Majlis Raja-raja?
- A. Dato' Paduka Maharaja Lela
 - B. Dato' Pengelola Bijaya Diraja
 - C. Penyimpan Mohor Besar Raja-raja
 - D. Setiausaha sulit kepada Yang di-Pertuan Agong

38. Pilih pernyataan yang **benar** berkaitan bidang kuasa YDPA

- i. Memecat Perdana Menteri
- ii. Mengisytiharkan darurat di satu-satu kawasan
- iii. Melantik Jemaah Menteri atas pandangan Perdana Menteri
- iv. kuasa Baginda untuk mempersetujui atau tidak mempersetujui pembubaran Parlimen.

- A. i, ii dan iv
- B. i, iii dan iv
- C. ii, iii dan iv
- D. Semua betul

39. Tugas-tugas utama Kabinet ialah


- i. menentukan dasar-dasar negara
- ii. menggubal dan meluluskan undang-undang kerajaan
- iii. melaksanakan pentadbiran Kerajaan Persekutuan sepenuhnya
- iv. mengendalikan sebarang permasalahan yang melibatkan kepentingan negara dan rakyat

- A. i, ii dan iii
- B. i, ii dan iv
- C. ii, iii dan iv
- D. i, iii dan iv

40. Antara berikut, pernyataan yang **benar** berkenaan dengan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri?

- i. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) dilantik oleh Sultan/Yang Dipertua Negeri
- ii. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) terdiri daripada 4 hingga 12 orang ahli Dewan Undangan Negeri
- iii. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertanggungjawab merancang perkara-perkara yang tercatat dalam Senarai Persekutuan
- iv. Di Sabah, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dikenali sebagai Majlis Tertinggi, sementara di Sarawak dikenali sebagai Kabinet Negeri

- A. i dan ii
- B. i dan iii
- C. ii dan iv
- D. iii dan iv



Rajah 3: Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2014 Tatacara Penggantungan Potret Rasmi Jabatan Perdana Menteri 21 Februari 2014

41. Berdasarkan Rajah 3 di atas, Z adalah

- A. YAB Menteri Besar
- B. DYMM Sultan Negeri
- C. DYMM Sultanah Negeri
- D. Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong

42. Antara berikut, pernyataan manakah **benar** mengenai jawatan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)?

- A. Pemecatan hanya dilakukan oleh Perdana Menteri
- B. Seorang pegawai kanan dalam perkhidmatan awam
- C. Saraan ditentukan oleh Kumpulan Wang Disatukan
- D. Pelantikan dibuat selepas berunding dengan Peguam Negara

43. Antara perkara berikut, yang manakah boleh menyebabkan seseorang hilang hak sebagai pengundi?

- i. Tidak mendaftar sebagai pemilih
- ii. Telah memperoleh taraf warganegara asing
- iii. Telah dijatuhkan hukuman mati mandatori
- iv. Tidak bermastautin di kawasan pilihan raya

- A. i dan ii
- B. i dan iv
- C. i, ii dan iii
- D. Semua di atas

"Mahkamah Tinggi di sini, hari ini, memutuskan kemenangan Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamad Hasan di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Rantau pada Pilihan Raya Umum Ke-14 lalu, batal dan tidak sah".

(Berita Harian Online, 16/11/2018)

44. Berdasarkan Perlembagaan serta Peraturan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, mana-mana individu yang tidak berpuas hati dengan keputusan pilihan raya, boleh mengemukakan
- A. petisyen pilihan raya
 - B. rayuan di Mahkamah Tinggi
 - C. rayuan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya
 - D. protes kepada Pegawai Pengurus Pilihan Raya
45. Pernyataan manakah yang **tepat** dengan undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu (DUN) berkaitan dengan tegahan khalwat.
- A. Ordinan Darurat, 1948
 - B. Akta 355, Mahkamah Syariah, 1965
 - C. Rang Undang-Undang Persendirian Ahli Parlimen Marang, 2017
 - D. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Terengganu (Pindaan) 2001
46. Antara pernyataan berikut, yang manakah **paling tepat** mengenai seseorang calon yang diisytiharkan sebagai pemenang dalam pilihan raya?
- A. Mendapat majoriti mudah
 - B. Mendapat majoriti mutlak
 - C. Mendapat kerusi separuh
 - D. Mendapat undi sebanyak satu perlapan
47. Pilih pernyataan yang **tepat** mengenai fungsi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sewaktu mengendalikan Pilihan Raya Negeri Sabah pada September 2020.
- i. Mengeluarkan writ pilihan raya
 - ii. Mengadakan proses penamaan calon
 - iii. Menentukan calon-calon yang layak bertanding
 - iv. Mengumumkan keputusan pilihan raya
- A. i dan ii
 - B. ii dan iii
 - C. i, ii dan iv
 - D. Semua di atas

48. Situasi manakah yang **tepat** menggambarkan pencalonan bagi calon yang bertanding dalam Pilihan Raya Umum menjadi tidak sah dan terbatal?
- A. Ali bertanding di DUN Seberang Takir Terengganu serta dalam masa yang sama bertanding di Parlimen Shah Alam
 - B. Bahaman bertanding di Parlimen Kubang Kerian serta dalam masa yang bertanding di Parlimen Johor Bharu
 - C. Calon dengan sebab tertentu tidak dapat hadir ke pusat penamaan calon sebaliknya pencadang dan penyokong telah hadir
 - D. Calon yang bertanding bagi kerusi DUN serta dalam masa yang sama bertanding kerusi Parlimen serta dilantik sebagai Menteri Besar
49. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) membenarkan calon bebas menggunakan lambang berikut dalam pilihan raya, iaitu
- i. Ikan
 - ii. Cincin
 - iii. Burung
 - iv. Cangkul
- A. i dan ii
 - B. ii dan iii
 - C. i, ii dan iii
 - D. Semua di atas
50. Ahli-ahli Dewan Negara dikenali sebagai?
- A. Wakil Dewan
 - B. Senator
 - C. Perwakilan
 - D. Sekretariat
51. Antara keistimewaan Parlimen adalah
- i. Menggubal semua jenis undang-undang
 - ii. Mendapat elaun sebanyak RM 16,000 sebulan
 - iii. sebarang prosiding di Parlimen tidak boleh dipersoalkan di mahkamah
 - iv. hanya ahli Parlimen sahaja boleh berbincang perkara-perkara di bawah Akta Hasutan seperti hak istimewa orang Melayu
- A. i dan ii
 - B. i dan iii
 - C. ii dan iii
 - D. iii dan iv

52. Kelayakan seorang ahli Parlimen akan hilang sekiranya beliau
- i. diisytiharkan muflis
 - ii. didapati tidak sempurna akal
 - iii. dihukum penjara enam bulan
 - iv. didenda sebanyak RM2,000 atau lebih
- A. i dan ii
B. i dan iv
C. ii dan iii
D. Semua di atas
53. Antara berikut, pernyataan yang manakah **paling tepat** berhubung pelantikan Perdana Menteri?
- i. Beragama Islam
 - ii. Berbangsa Melayu
 - iii. Salah seorang ahli Dewan Rakyat
 - iv. Pada hemat Yang di-Pertuan Agong mendapat kepercayaan ahli Dewan Rakyat
- A. i dan ii
B. ii dan iii
C. iii dan iv
D. Semua di atas
54. Dalam Pilihan Raya Umum ke 15 Perdana Menteri Malaysia Dato Seri Anwar Ibrahim mewakili Parti Keadilan Rakyat (PKR) bertanding di kerusi Parlimen?
- A. Tambun
B. Port Dickson
C. Permatang Pauh
D. Lembah Pantai
55. Penyataan berikut adalah **tepat** berkaitan dengan kedudukan ahli Dewan Negara:
- i. Berumur 30 tahun ke atas
 - ii. Dua orang wakil dicadang oleh DUN setiap negeri
 - iii. Yang Dipertua Dewan Negara kini ialah Tan Sri Vigneswaran
 - iv. 40 orang individu dilantik oleh Kerajaan Persekutuan
- A. i dan ii
B. ii dan iii
C. i, ii dan iv
D. Semua di atas

56. Berikut merupakan kuasa yang ada pada Dewan Undangan Negeri:

- i. Berkuasa melantik Speaker Dewan Undangan Negeri
- ii. Berkuasa meluluskan undang-undang berkaitan perkara yang tercatat dalam Senarai Negeri dan Senarai Bersama
- iii. Parlimen menurunkan kuasanya pada Dewan Undangan Negeri di mana Dewan Undangan Negeri boleh meluluskan undang-undang yang tercatat dalam Senarai Persekutuan
- iv. Berkuasa untuk meluluskan undang-undang dalam Senarai Persekutuan selagi tidak bercanggah dengan undang-undang yang dibuat oleh Parlimen

- A. i dan ii
- B. i dan iii
- C. i dan iv
- D. iii dan iv

57. Badan kehakiman di Malaysia berfungsi untuk

- i. memelihara hak-hak istimewa orang Melayu dan peribumi Sabah dan Sarawak
- ii. menyelesaikan pertikaian antara individu dengan individu atau individu dengan kerajaan
- iii. mengesahkan undang-undang dan membatalkan undang-undang yang bercanggah dengan perlembagaan
- iv. mentafsir undang-undang dan mengisytiharkan sesuatu undang-undang itu tidak sah sekiranya bercanggah dengan undang-undang Persekutuan

- A. i, ii dan iii
- B. i, ii dan iv
- C. i, iii dan iv
- D. ii, iii dan iv

58. Berikut merupakan fungsi Peguam Negara, **kecuali**

- A. Penasihat undang-undang rakyat Malaysia
- B. bertindak sebagai Pendakwa Raya atau Peguam Bela bagi pihak kerajaan
- C. menasihati YDPA atau Jemaah Menteri atau mana-mana Menteri mengenai perkara yang berkaitan undang-undang
- D. mempunyai kuasa budi bicara untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan selain prosiding di Mahkamah Syariah, Mahkamah Anak Negeri serta Mahkamah Tentera

59. Undang-undang keluarga Islam di Malaysia ditadbir mengikut

- A. Akta Agama Islam
- B. Perlembagaan Negeri
- C. Perlembagaan Persekutuan
- D. Ordinan atau Enakmen Negeri

- Pertikaian antara pekerja dengan majikan
- Isu-isu dalam kesatuan sekerja

60. Pernyataan di atas merujuk kepada bidang kuasa mahkamah berikut:
- A. Mahkamah Khas
 - B. Mahkamah Buruh
 - C. Mahkamah Majistret
 - D. Mahkamah Perusahaan
61. Perbicaraan kes sivil Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak dibicarakan oleh
- A. Hakim Mahkamah Tinggi
 - B. Hakim Mahkamah Juvana
 - C. Hakim Mahkamah Sesyen
 - D. Hakim Mahkamah Majistret
62. Antara berikut, hukuman yang manakah **tepat** bagi mereka yang tidak menghormati lagu kebangsaan berdasarkan Akta Lagu Kebangsaan, 1968?
- A. Dibuang negeri
 - B. Dilucutkan kerakyatan
 - C. Denda tidak melebihi seribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi sepuluh bulan
 - D. Denda tidak melebihi satu ratus ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi satu bulan
63. Pernyataan berikut benar berkaitan dengan peranan Jabatan Perdana Menteri, **kecuali**
- A. melaksanakan dasar yang ditentukan oleh Menteri
 - B. merancang dan menyelaraskan semua dasar negara yang ditetapkan
 - C. kementerian paling tinggi dalam pentadbiran kerajaan Persekutuan
 - D. menentukan dasar kerajaan berjalan lancar menerusi fungsi kementerian
64. Antara berikut, suruhanjaya manakah yang ditubuhkan untuk melantik ke perkhidmatan kerajaan?
- i. Majlis Angkatan Tentera
 - ii. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
 - iii. Kesatuan Perkhidmatan Keguruan Kebangsaan
 - iv. Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-Undang
- A. i, ii dan iii
 - B. i, ii dan iv
 - C. i, iii dan iv
 - D. ii, iii dan iv

65. Kerajaan tempatan merupakan kerajaan yang berasingan memandangkan ia mempunyai kuasa-kuasa tertentu. Antara kuasa kerajaan tempatan adalah

- i. mengutip cukai tanah
- ii. membuat undang-undang kecil
- iii. memilih dan melantik Ahli Majlis Kerajaan Tempatan
- iv. menubuhkan Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Tempatan

- A. i dan iii
- B. ii dan iii
- C. ii, iii dan iv
- D. Semua di atas

- Badan pemerintah negara
- Diketuai oleh Perdana Menteri
- Bertanggungjawab secara kolektif kepada Parlimen

66. Pernyataan di atas merujuk kepada

- A. Kabinet
- B. Pejabat Menteri Besar
- C. Pejabat Perdana Menteri
- D. Majlis Mesyuarat Kerajaan

67. Antara pernyataan berikut, yang manakah **benar** tentang struktur dan peranan sesebuah kementerian?

- i. Kementerian diketuai seorang Menteri
- ii. Agensi pentadbiran tertinggi dalam entadbiran negara
- iii. Pegawai utama sesebuah kementerian ialah Ketua Pengarah
- iv. Fungsi setiap kementerian adalah untuk mengawasi pelaksanaan program-program oleh agensi-agensi pelaksana di bawah kementeriannya

- A. i dan ii
- B. ii dan iii
- C. i dan iv
- D. iii dan iv

68. Yang manakah antara berikut **benar** tentang tugas Yang di-Pertuan Agong dalam Lembaga Pengampunan?.

- A. Pengerusi
- B. Sebagai Penasihat
- C. Sebagai perantaraan
- D. Sebagai pemutus keputusan

- Lembaga Hasil Dalam Negeri
- Kastam DiRaja Malaysia

69. Senarai di atas terletak di bawah

- A. Jabatan Perdana Menteri
- B. Kementerian Sumber Manusia
- C. Kementerian Kewangan
- D. Kementerian Ekonomi

70.

- Komanwel memberi bantuan teknikal dan biasiswa Pendidikan kepada negara anggota

Rancangan di atas merujuk kepada

- A. Rancangan Colombo
- B. Rancangan London
- C. Rancangan Pengajian ke Jepun (RPKJ)
- D. Rancangan Harare

- Berkesinambungan dari Wawasan 2020 yang digagaskan pada tahun 1991 serta dasar Tranformasi Nasional 2050 (TN50) yang digariskan Dato Seri Mohd Najib pada tahun 2017.
- Kerajaan beriltizam menjadikan Malaysia sebuah negara membangun secara mapan seiring dengan pegagihan ekonomi yang adil, saksama serta inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah serta rantai bekalan

71. Penyataan di atas merujuk kepada

- A. Dasar Komuniti Negara
- B. Dasar Keusahawanan Nasional
- C. Wawasan Kemakmuran Bersama
- D. Dasar Pembangunan Luar Bandar

72. Penyataan berikut adalah benar tentang Dasar Sains dan Teknologi Negara, **kecuali**

- A. meneroka potensi menghantar angkasawan ke angkasa lepas
- B. menubuhkan pusat pengumpulan maklumat sains dan teknologi
- C. menumpukan kepada pembangunan, keselamatan dan kesejahteraan sosial rakyat
- D. penyelidikan dan pembangunan (P&P) diberi tumpuan memajukan bidang pertanian, pembangunan infrastruktur, pelaburan asing dan lain-lain

- Bertujuan melindungi hak rakyat, menghentikan ketirisan dana awam, memperkuat keselamatan negara seterusnya memacu pertumbuhan ekonomi negara.

73. Pernyataan di atas merujuk kepada dasar
- A. Pelan Antirasuah Nasional
 - B. Dasar Keselamatan Negara
 - C. Dasar Ketenteraman Awam
 - D. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
74. ASEAN terbentuk dengan termeterainya
- A. Deklasi Kuala Lumpur
 - B. Deklarasi Bangkok
 - C. Deklarasi Manila
 - D. Deklarasi Bali
75. Pada tahun.....Putrajaya telah diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan dan pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan.
- A. 1999
 - B. 2001
 - C. 2002
 - D. 2003
76. Pernyataan yang manakah **tepat** mengenai keputusan *International Court of Justice* (ICJ) terhadap keputusan isu Pulau Sipadan-Ligitan yang menjadi pertikaian antara Malaysia dan Indonesia?
- i. Malaysia dan Indonesia berhak ke atas kedaulatan kedua-dua buah pulau
 - ii. ICJ memberikan hak pemilikan ke atas kedua-dua buah pulau kepada Malaysia dengan undian 16-1
 - iii. Malaysia berhak menduduki beberapa kawasan yang mempunyai minyak di Ambalat
 - iv. Malaysia mendapat Sipadan manakala Pulau Ligitan diberikan kepada Indonesia
- A. i dan ii
 - B. ii dan iii
 - C. iii dan iv
 - D. i dan iv



Rajah 6

77. Berdasarkan Rajah 6, pernyataan manakah di bawah **tepat** mengenai keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) terhadap Pulau Batu Puteh yang menjadi pertikaian antara Malaysia dan Singapura?

- i. Perundingan Malaysia-Singapura bagi Tebing Selatan (*South Ledge*)
- ii. Malaysia mempunyai hak ke atas Pulau Batuan Tengah (*Middle Rock*)
- iii. Singapura mempunyai kedaulatan ke atas Pulau Batu Puteh (*Pedra Branca*)
- iv. Nelayan Malaysia bebas menjalankan kegiatan penangkapan ikan di perairan Pulau Batuan Tengah (*Middle Rock*) dan Tebing Selatan (*South Ledge*)

- A. i dan ii
- B. ii dan iii
- C. iii dan iv
- D. Semua di atas

78. Pilih maklumat yang **tepat** mengenai status Kepulauan Spratly:

- i. Berada di Lautan Pasifik
- ii. Simpanan minyak keempat terbesar di dunia
- iii. Mempunyai keluasan 244,700 kilometer persegi
- iv. 230 buah pulau serta daratan seluas 3 kilometer persegi

- A. i dan ii
- B. ii dan iii
- C. iii dan iv
- D. ii, iii dan iv

79. Antara berikut, penyaan yang manakah **tepat** mengenai Akta dan Protokol Malaysia dalam menguatkuasakan peraturan pemerdagangan manusia

- i. Akta Anti Pemerdagangan Orang 2007 (Akta 670)
- ii. Protokol Mencegah, Membendung dan Menghukum Pemerdagang Orang khususnya Wanita dan Kanak-kanak
- iii. Protokol Menentang Penyeludupan Manusia Melalui Darat, Laut dan Udara
- iv. Konvensyen PBB menentang Jenayah Merentasi Sempadan atau *United Nations Convention Against Transnational Organized Crime* (UNTOC)

- A. i dan ii
- B. ii dan iii
- C. iii dan iv
- D. Semua di atas

80.

Setelah memegang jawatan sebagai Perdana Menteri ke 10, Dato Seri Anwar Ibrahim meneruskan usaha-usaha di bawah:

- Mengadakan hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China
- Menyokong kemasukan pelabur-pelabur dari Eropah ke Malaysia

Merujuk kepada penyataan di atas, Malaysia mengamalkan

- A. Dasar Pro-Barat
- B. Dasar Anti-Apartied
- C. Dasar Kerjasama Serantau
- D. Dasar Berkecuali.

-Kertas Soalan Tamat-